

Headline **Buluh, rotan jana ekonomi**
Date **25 Dec 2009**
MediaTitle **Berita Harian (Utara)**
Section **Berita**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **235 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,923**
PRValue **5,768**



Buluh, rotan jana ekonomi

Industri kayu kayan sumbang pendapatan RM22.79 bilion

Rosdallilah Zahari

IPOH: Pengeluaran buluh dan rotan secara komersial dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara terutama dari segi nilai eksport dalam industri kayu kayan yang menjadi penyumbang kedua terbesar sektor komoditi selepas kelapa sawit.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB), Dr Jalaluddin Harun, berkata tahun lalu nilai eksport kayu kayan negara mencapai RM22.79 bilion dengan industri buluh menyumbang kira-kira RM193 juta.

Beliau berkata, antara pembeli utama buluh dari Malaysia termasuk Singapura dan Maldives.

“Berbanding negara ini, sektor perindustrian buluh dan rotan di Indonesia, Thailand, Vietnam dan China lebih maju dan menjadi salah satu sumber pendapat terbesar di negara mereka.

“Sehubungan itu, kerajaan mensasarkan sejumlah RM53 bilion dapat dijana menjelang 2020 dalam industri kayu

“Industri pemrosesan membabitkan buluh dan rotan mempunyai nilai tambah yang tinggi di samping berpotensi untuk memenuhi permintaan pasaran global bagi jangkamasa panjang”

Jalaluddin Harun
Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

kayan negara dan jumlah itu termasuk pemasaran buluh dan rotan secara komersial,” katanya pada sidang media selepas perasmian seminar Pembangunan Industri Buluh, di sini, semalam.

Majlis perasmian seminar selama sehari itu disempurnakan Ketua Pengerang Kerajaan Negeri Perak, Datuk

Hamdi Abu Bakar.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), Datuk Samsuddin Hashim dan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Datuk Razani Ujang.

Dr Jalaluddin berkata, di Semenanjung, Perak mencatat tempat kedua selepas Pahang dengan anggaran penanaman rumpun buluh sebanyak 18.8 peratus.

Katanya, terdapat 50 jenis buluh dikenal pasti di negara ini dan 13 daripadanya digunakan secara meluas dalam industri kecil seperti pemrosesan kraftangan antaranya buluh duri, buluh galah, buluh minyak dan buluh betong.

“Justeru, Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) diwujudkan bagi membantu mempromosi dan mengkomersilkan bahan mentah dari bahan bukan kayu khususnya buluh dan rotan selain membekalkannya untuk diproses terutamanya dalam industri perkayuan.

“Industri pemrosesan membabitkan buluh dan rotan mempunyai nilai tambah yang tinggi di samping berpotensi untuk memenuhi permintaan

pasaran global bagi jangkamasa panjang,” katanya.

Kira-kira 220 peserta dari seluruh Perak terdiri daripada pengusaha buluh dan rotan menyertai seminar anjuran MITB, PKNP, JPSM dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Dr Jalaluddin berkata, buluh dan rotan adalah salah satu sumber alternatif berguna kepada industri perabot negara kerana kualitinya setanding dengan perabot yang dihasilkan menggunakan kayu.

“Sebelum ini buluh hanya digunakan sebagai peralatan tradisional dalam kehidupan harian. Bagaimanapun, teknologi yang serba canggih membolehkan industri buluh dan rotan mengalami transformasi dengan produk lebih komersial.

“Di samping itu, kajian yang dijalankan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) dan beberapa Institusi Pengajian Tinggi turut menunjukkan buluh berpotensi untuk dijadikan produk seperti ‘strips lamination’, ‘bamboo particle’ dan ‘fibreboard’ serta kekukuhannya setaraf dengan kayu cengal,” katanya.